

SEJARAH SENI SILAT DAN PERTUBUHAN SILAT GAYUNG FATANI MALAYSIA DI DAERAH TUARAN

History of Silat and Organization of Gayung Fatani Silat in Tuaran District

Nur Fatihah Az Zahra Tonnywan

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹ziouly01@gmail.com

Dihantar: 4 Sept. 2024 / Diterima: 30 Sept. 2024 / Terbit: 31 Disember 2024

Abstrak

Silat merupakan warisan yang melambangkan identiti bangsa Melayu. UNESCO telah mengiktiraf silat sebagai warisan budaya tak ketara pada tahun 2019. Pengiktirafan bertaraf dunia secara tidak langsung telah mengangkat martabat silat ke peringkat yang lebih tinggi. Seiring dengan peredaran masa, silat telah mengalami perkembangan yang drastik sejak dari awal kewujudannya. Buktinya terdapat banyak jenis aliran silat di Malaysia dan salah satunya ialah Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM). Kehadiran PSGFM di negeri Borneo telah melakar sejarah baru dalam bidang seni mempertahankan diri. Perkembangannya semakin meluas khususnya di daerah Tuaran. Oleh itu, artikel ini mengupas tentang sejarah silat di daerah Tuaran dan menghuraikan perkembangan Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) di daerah Tuaran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan arkib, kaedah temu bual serta kaedah kajian lapangan untuk memperolehi maklumat penting berkaitan dengan perkembangan PSGFM di daerah Tuaran. Hasil kajian mendapati PSGFM Tuaran telah berkembang pesat dan ini dapat dilihat menerusi penglibatannya dalam pertandingan silat. Kajian ini diharap dapat memberi gambaran mengenai perkembangan silat di daerah Tuaran dan mendedahkan kepentingan untuk memartabatkan seni silat sebagai satu warisan kepada masyarakat.

Kata Kunci: Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM), Sejarah Silat, Tuaran

Abstract

Silat is a heritage that symbolizes the identity of the Malay nation. UNESCO has recognized silat as an intangible cultural heritage in 2019. World-class recognition has indirectly raised the dignity of silat to a higher level. Along with the passage of time, silat has experienced a drastic development since the beginning of its existence. The proof is that there are many types of martial arts in Malaysia and one of them is the Gayung Fatani Art Society of Malaysia (PSGFM). The presence of PSGFM in the state of Borneo has made a new history in the field of martial arts. Its development is expanding especially in the Tuaran district. Therefore, this article examines the history of martial arts in the Tuaran district and describes the development of the Gayung Fatani Art Association of Malaysia (PSGFM) in the Tuaran district. This study uses qualitative methods such as library and archival methods, interview methods and field research methods to obtain important information related to the development of PSGFM in Tuaran district. The results of the study found that PSGFM Tuaran has grown rapidly and this can be seen through its involvement in silat competitions. This study is expected to provide an overview of the development of silat in the Tuaran district and reveal the importance of upholding the art of silat as a heritage for the community.

Keywords: *Association of Gayung Fatani Malaysia (PSGFM), History of Martial Arts, Tuaran*

Pengenalan

Istilah silat mula digunakan selepas abad ke-16 dan dikatakan berasal daripada perkataan *Si* dan *elat* (Komunikasi Peribadi, Ahjman Zanudin, 21 Jun 2024). 'Si' ialah gelaran atau pengganti nama diri kepada orang yang melakukan sesuatu pekerjaan, kelakuan atau sifat fizikalnya seperti Siputih, Sigeibu, Situkang, Sipenjala Sipengelat atau Sipenipu (Anuar Abd. Wahab, 2008:16). 'Elat' merujuk kepada perbuatan mengelak, menipu dan bijak membuat tipu daya. Dengan itu, 'Si elat' atau silat merujuk kepada individu yang pandai bersilat dan mengelak. Manakala bersilat pula merujuk kepada dua orang yang saling berhadapan (seorang menyerang dan seorang lagi mempertahankan diri). Selain itu, silat juga mempunyai makna yang sama dengan "Gayung". Secara umumnya, silat merujuk kepada ilmu seni mempertahankan diri yang dimiliki dan telah diamalkan oleh bangsa Melayu sejak turun temurun lagi. Dipercayai silat telah diamalkan sejak

zaman Kesultanan Melayu Melaka. Berikutan hal ini, silat digunakan dalam perang untuk melawan pihak penjajah. Abd. Rahman Ismail (2008) mendefinisikan silat sebagai;

Silat merupakan ilmu peperangan yang diamalkan oleh orang Melayu sejak dari zaman dahulu lagi- ilmu ini dipelihara dan diturunkan kepada generasi muda oleh guru-guru silat yang menurut kajian folkfore dikenali sebagai pembawa tradisi yang aktif (active carriers of tradition) (Abd. Rahman Ismail, 2008: 1.

Menurut beliau, silat ini sememangnya digunakan sebagai ilmu tempur dalam menentang pihak penjajah barat. Lalu kemudiannya, silat ini diwariskan kepada generasi yang akan datang dan masih lagi berlanjutan sehingga ke hari ini. Dalam karya penulisannya, beliau menggunakan contoh-contoh dari Tuhfat al-Nafis untuk memberi gambaran tentang penggunaan silat pada zaman dahulu. Misalnya;

Syahadan setelah selesai mesyuarat dan muafakat maka Yam Tuan Muda pun menyuruh Bugis-Bugis itu memusung. Kemudian lalu disuruhnya langgar kubu Terampak itu lalu dikeluarilah oleh orang Siak dan orang siantan mana-mana yang sebelah dia. Maka beramuk-amuklah dan berbedil-bedilan meriam lela rentaknya, kemudian berapat berbedil-bedilan dengan senapang pemurasnya, kemudian berapat bercencangkan kelewang dan pedang dan lembing, kemudian berapat bertikamkan keris pendek, bercekak pinggang, sama seorang maka sangatlah ramainya perang itu, kerana sama tiada tidur, anak Selangor dan anak Siak (Abd. Rahman Ismail, 2008: 8).

Petikan di atas menggambarkan suasana Perang Melaka yang berlaku sekitar tahun 1511. Melalui perang ini, walaupun tentera Melayu sudah menggunakan meriam namun seni silat masih digunakan terutamanya dalam teknik dan strategi peperangan. Maka dengan itu jelaslah bahawa, silat ditakrifkan sebagai ilmu mempertahankan diri yang digunakan dalam perang.

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa (2017), silat bermaksud kepandaian berjuang dengan menggunakan ketangkasan menyerang

dan mempertahankan diri. Ini bermakna, ketangkasan dalam seni persilatan amat penting untuk mempertahankan diri daripada pihak lawan. Menurut Anuar Abd Wahab (2008:32), silat berperanan sebagai sukan tradisi rakyat kepada sukan moden yang dipertandingkan dengan satu peraturan pertandingan yang tertentu. Pada awalnya, silat Melayu tradisi hanya dilakukan dengan tujuan untuk melindungi diri dan menentang musuh. Namun, berbeza dengan silat Melayu tradisi, silat Melayu moden kini dipertandingkan sebagai sukan olahraga.

Anuar Abd Wahab (2008) dalam karyanya *Silat Seni Gayung Fatani: Sejarah Perkembangan Kurikulum Silat Melayu tradisi dan Pembentukan Kurikulum Silat Malaysia* menyebut silat sebagai;

Silat merupakan ilmu yang mengayakan istilah dan mencerminkan bahasa Melayu sebagai bahasa pahlawan- nilai bahasa pahlawan terdapat dalam peribahasa, pantun, syair dan gurindam (Anuar Abd Wahab, 2008:37).

Berdasarkan petikan di atas, seni persilatan Melayu juga memaparkan penggunaan bahasa Melayu klasik sebagai kiasan. Umpamanya, 'kalau tidak patah Kiat, apa guna jadi ayam jantan jika kokok berderai. Ekor bergelumang taik, apa guna keris di pinggang jika tidak berani mati, jika berani mari kita bertentang mata, sedangkan bah kapal tak hanyut inikan pula kemarau panjang, jika kail panjang sejengkal jangan lautan hendak diduga, di mulut naga lagi direbut inikan pula di tapak tangan'. Maka jelaslah bahawa, ayat-ayat kiasan digunakan untuk mencabar pihak lawan. Industri perfileman pada masa ini menghidupkan semula adegan-adegan yang mengandungi bahasa artistik dalam filem Melayu.

Draeger (1972) pula mempunyai pandangan yang berbeza tentang silat, ia mendefinisikan silat sebagai latihan persendirian yang bebas dari aspek pergerakan fizikal. Manakala, Satoru Tsunashima (2004) pula melihat silat sebagai suatu institusi sosial yang kompleks dalam masyarakat Melayu dan terdiri daripada tiga komponen yang bertindih dan bertimbal balik. Komponen itu termasuk komponen ilmu, organisasi sosial dan juga komponen struktural yang menghubungkan silat dengan sistem politik. Ku Ahmad dan Wong (1978) pula melihat silat dari segi kehalusan seni dan nilai estetika gerakannya. Buktinya, dapat kita amati bahawa pergerakan silat dalam seni gayung Fatani terdiri daripada pelbagai jenis gerakan dan Bunga.

Misalnya, gerak hindar, gerak langkah, gerak kuda-kuda dan sebagainya. Bunga dalam silat dilihat seperti tarian. Perkara ini selaras dengan pernyataan Anuar Abd Wahab (2008:240) yang mana menurutnya, pergerakan Bunga Silat ini memupuk nilai kelembutan, kehalusan budi bahasa dan sopan santun pahlawan Melayu dengan pergerakan berunsur estetik dan saintifik. Wan Mohd Dasuki (2018) pula mengertikan silat dengan konsep yang lebih mudah iaitu sejenis kaedah bela diri yang fizikalnya terdiri daripada sejumlah teknik serang dan bela, di mana setiap teknik itu diwarnai dengan kelembutan seni dan keindahan gerak gerinya tetapi boleh menimbulkan kekeliruan, yang tercipta dalam kehidupan budaya dan akal fikiran orang Melayu.

Dalam konteks jabatan Warisan Negara, silat didefinisikan sebagai satu seni mempertahankan diri yang telah bermula sejak permulaan Kerajaan Langkasuka (abad ke-2) sehingga pemerintahan era Kesultanan Melaka (abad ke-13) (JWN, 2019). Pada tahun 2019, Silat telah diiktiraf sebagai *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* oleh UNESCO. Hal ini secara tidak langsung telah mengangkat martabat seni mempertahankan diri (silat) negara pada peringkat antarabangsa. Tuntasnya, silat adalah ilmu untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh. Walaupun pelbagai konsep mahupun tafsiran mengenai silat berdasarkan pemahaman guru silat. Namun, secara keseluruhannya silat boleh dikenal pasti sebagai ilmu mempertahankan diri.

Sejarah Silat di Malaysia

Silat dikatakan telah lama wujud dan pada awalnya ia berkembang di medan pertempuran sebelum secara perlahan-lahan telah berkurangan dan penggunaan senjata moden mula digunakan secara berleluasa. Silat Melayu diakui sebagai hak bangsa Melayu. Hal ini kerana, dipercayai orang Melayu telah menciptakan seni persilatan ini sebelum kedatangan pihak penjajah lagi. Pada awalnya, silat lebih dikenali sebagai ilmu berkelahi, ilmu hulubalang, ilmu penjurit, ilmu kesaktian ataupun ilmu gagah berani yang lebih difahami sebagai ilmu seni perang Melayu. Hal ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Nurliza (2019), iaitu kesenian asli Silat Melayu telah disifatkan sebagai seni perang yang berakar umbi di kepulauan Melayu pada permulaan abad ke-15.

Silat pada mulanya diamalkan sejak permulaan Kerajaan Langkasuka pada abad ke-2 sehinggalah ke era pemerintahan

Kesultanan Melayu Melaka pada abad-13. Lebih daripada itu, penemuan Candi Borobodur dan Candi Prambanan di Jawa menjadi bukti bahawa silat itu sudah wujud sejak abad ke-8 lagi. Dikatakan juga, silat ini telah diamalkan oleh orang-orang dari Kerajaan Srivijaya pada abad ke-7 hingga abad ke-14. Menurut Norazila (2021), seni silat ini telah mula mempengaruhi orang Melayu yang menetap di kawasan Pantai Pulau Sumatra dan Semenanjung Tanah Melayu seperti Kedah, Kelantan dan Kepulauan Riau. Perkembangan seni silat ini akhirnya mempengaruhi lebih ramai lagi penduduk di Tanah Melayu pada ketika itu. Penyebaran agama Islam di Tanah Melayu pada abad ke-14 telah mengubah fungsi sosial seni silat Melayu. Hal ini demikian kerana, seni silat bukan sahaja digunakan untuk melawan musuh dan sebagai seni tarian malah ia juga merupakan satu bentuk latihan rohaniah.

Sejarah silat mempunyai hubung kait dengan aspek pentadbiran orang Melayu khususnya sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hulubalang yang ditugaskan untuk menjaga Istana mempunyai kemahiran dalam bersilat. Maka tidak hairanlah sekiranya, ramai pahlawan Melayu yang mahir dalam seni persilatan ini. Misalnya, Laksamana Hang Tuah dan Laksamana Hang Jebat. Galakan dalam mendalami ilmu silat juga telah diberikan sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka. Memandangkan seorang pahlawan berperanan besar dalam menjaga keselamatan seorang Raja, maka Raja-raja Melayu telah menitahkan hulubalangnya untuk mempelajari silat. Dengan itu, sesiapa sahaja yang menguasai silat akan diberikan kelebihan untuk mengetuai angkatan perang. Buktinya, Seorang pegawai Campa telah dilantik oleh Sultan Muhammad Shah sebagai pegawai kanan kerana ia memiliki kemampuan dalam silat dan pengetahuan dalam perang.

Menurut Abd.Rahman Ismail (2008), kebanyakan cerita tentang asal usul Silat Melayu ini berbentuk lagenda. Hal ini kerana, peristiwa-peristiwa penting hanya diturunkan dalam bentuk lisan sahaja. Unsur-unsur sedemikian sebenarnya mencerminkan adat dan kepercayaan bangsa Melayu pada ketika itu. Sebagai contoh, asal usul silat ini diinspirasi daripada seekor burung besar dan juga seekor harimau. Selain itu, asal usul silat ini juga dikatakan pada awalnya dipelopori oleh golongan wanita dan kemudiannya disebarkan kepada golongan lelaki. Bahkan, Zainal Abidin dan Nigel Sutton (2007) berpandangan bahawa silat ini diinspirasi daripada kisah seorang pahlawan yang melihat bunga lotus kekal timbul di atas permukaan air walaupun telah dilempar batu. Dari peristiwa ini, pahlawan itu akhirnya mencipta cara bertarung yang lebih taktikal dan berkesan. Malah, ada pendapat yang

mengatakan bahawa silat ini berasal daripada negeri Campa. Gambaran ini adalah berdasarkan adanya pengaruh Seni Silat Campa dalam seni silat yang terdapat di Sumatera.

Tanah Melayu sebelum era kolonial lagi mempunyai wilayah yang sangat luas. Menurut Ibrahim Syukri (2005), tanah Melayu ialah suatu Semenanjung yang menganjur ke arah selatan dan terletak di kawasan Tenggara benua Asia dengan mempunyai kawasan yang luas iaitu dari Segenting Kra hingga kepada hujung tanah Melayu serta pulau Singapura di selatannya. Pada ketika itu, Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian utara dan selatan Semenanjung Malaysia. Masyarakat Melayu di Semenanjung ini mempunyai hubungan pertalian darah atau persaudaraan dengan masyarakat Melayu yang mendiami daerah bahagian selatan Thailand, Sumatera, Kampuchea, dan Vietnam yang kemudiannya dikenali sebagai orang Melayu Patani, Kamboja, Campa, Aceh dan Sumatera. Silat Melayu dipercayai telah berkembang pada masa itu sehinggalah pada masa kini. Perkembangan seni silat ini akhirnya membawa kepada pelbagai jenis silat yang wujud pada masa sekarang. Antaranya ialah, Silat Malaysia dan Silat Fatani.

Terdapat juga percanggahan daripada perkataan 'Silat' dan 'Pencak silat'. Silat berbeza dari Pencak Silat. Hal ini kerana, Silat berasal daripada Malaysia manakala Pencak silat pula dari Indonesia. Seperti mana yang dikatakan oleh Suryo Ediyono dan Sahid Teguh Widodo (2019), pencak silat adalah sebahagian daripada perkembangan budaya bangsa Indonesia sejak berabad-abad lalu. Dengan pelbagai situasi geografi dan etnologi serta perkembangan dari semasa ke semasa oleh masyarakat Indonesia, pencak silat hadir sebagai budaya dan kaedah mempertahankan diri. Sungguhpun begitu, Arif Zahari (2023) melontarkan pendapat yang bertentangan berhubung dengan penggunaan Silat dan Pencak Silat. Hal ini demikian kerana, beliau berpendapat bahawa perkataan-perkataan tersebut adalah seerti maka seharusnya kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama.

Ringkasnya, walaupun muncul pelbagai perdebatan dan pendapat dalam kalangan sejarawan tentang asal usul silat ini namun apa yang pasti adalah seni silat ini sememangnya berasal dari Tanah Melayu. Dalam konteks masa kini, sudah banyak jenis silat yang ada. Hal ini cukup membuktikan bahawa seni silat melayu terus berkembang dari semasa ke semasa. Malahan, silat yang dahulunya hanya diamalkan

Nur Fatimah Az Zahra Tonnywan

oleh orang Melayu di Semenanjung tanah Melayu kini berubah. Perkara ini dibuktikan dengan kewujudan silat di Sabah, khususnya di daerah Tuaran. Usaha yang konsisten perlu dilakukan untuk memastikan warisan silat ini tidak hilang ditelan zaman.

Sejarah Silat Gayung Fatani di Daerah Tuaran

Silat merupakan tradisi turun temurun yang diwariskan dari generasi ke generasi seterusnya. Silat telah menjadi simbolik kepada bangsa Melayu. Lebih-lebih lagi, bagi orang Melayu, silat merupakan institusi pendidikan ilmu kepahlawanan yang dapat membentuk jati diri bangsa sebagai insan yang seimbang dari aspek zahir dan batinnya. Perkembangan silat ini semakin meluas apabila didapati ia bukan sahaja diamalkan oleh orang Melayu dari semenanjung Malaysia, akan tetapi ia sudah mula diamalkan dalam kalangan masyarakat di Sabah khususnya di daerah Tuaran.

Kewujudan Silat Gayung Fatani di daerah Tuaran ini bermula apabila Tuan Haji Ismail Aysraf Khan (Foto 1) membawa masuk seni silat gayung Fatani ke Sabah (Komunikasi Peribadi, Ahjman Zanudin, 21 Jun 2024). Pada awalnya, beliau menceburkan diri dalam seni mempertahankan diri yang pelbagai. Beliau tertarik untuk mempelajari silat apabila beliau ke semenanjung Malaysia. Hal ini demikian kerana, beliau terpegun dengan kelembutan gerakan seni silat gayung fatani. Akan tetapi, kelembutan itu berubah menjadi kasar dan tangkas apabila di dalam gelanggang. Hal ini telah menarik Tuan Haji Ismail Asyraf Khan untuk mempelajari dan mendalami ilmu silat fatani. Sepanjang proses pembelajarannya, beliau telah berguru dengan Allahyarham Tn. Hj. Anuar Abd. Wahab AMN.¹ di Kajang, Selangor selama 6 bulan.



**Foto 1: Tuan Haji Ismail Asyraf Khan, Guru Tua Seni Gayung
Fatani Malaysia**

Sumber: Koleksi Peribadi Ahjman Zanudin, 21 Jun 2024

Seni silat Gayung Fatani mula bertapak di Sabah secara rasminya apabila Tuan Haji Ismail Aysraf Khan telah membuka gelanggang silat di Lok Kawi buat pertama kalinya. Pusat Pertubuhan seni silat Gayung Fatani yang seterusnya pula terletak di Gym Rakyat, Sembulan berhadapan dengan Masjid Negeri Sabah. Setelah itu, tempat- bagi mempelajari seni silat gayung fatani ini berkembang di kawasan sekolah-sekolah. Termasuklah, Sekolah Menengah Kebangsaan Sanzac, SM Stella Maris, SM Lasalle, Maktab Sabah dan Sekolah Agama Kota Kinabalu (Komunikasi Peribadi, Ahjman Zanudin, 21 Jun 2024). Semua ahli silat dari sekolah- sekolah tersebut kemudiannya akan berkumpul di Pusat Pelatihan Persatuan Seni Silat Gayung Fatani di Sembulan. Mereka akan dilatih sendiri oleh Tuan Haji Ismail Asyraf Khan.

Dalam konteks masa ini (2024), Persatuan Silat Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) telah mempunyai lima cawangan di Sabah iaitu di Kota Kinabalu (SK Sembulan), Penampang (Kg. Kobuni dan KDCA Balai Raya Koidupan), Tuaran (SMK Tamparuli, SMK Tun Fuad Stephens, Studio Tuaran), Keningau (Gelanggang Pasir Putih dan Gelanggang SMK

Henry Gurney) dan Tawau (Sekolah Agama). Pusat atau ibu pejabat utama PSGFM di Sabah pada mulanya berada di Sembulan, kemudian berpindah ke Kompleks Sukan Likas. Pada tahun 2024, pusat baharu PSGFM (dalam proses pembinaan) dijangkakan akan dipindahkan ke Kepyayan. Akan tetapi, Tuaran dijadikan sebagai pusat buat sementara waktu sehingga proses pembinaan bagi Pusat Pertubuhan Seni Silat Gayung Fatani di Kepyayan selesai. Sehingga itu, Tuaran memainkan peranan penting sebagai tempat berkumpul bagi para jurulatih silat fatani untuk bermesyuarat dan membincangkan perihal berkaitan silabus silat gayung fatani serta dijadikan sebagai tempat latihan ahli silat gayung fatani (Komunikasi Peribadi, Ahjman Zanudin, 21 Jun 2024).

Dalam konteks daerah Tuaran, Encik Ahjman Zanudin merupakan individu yang bertanggungjawab membawa Seni Gayung Fatani ke daerah Tuaran, yakni semasa beliau bekerja sebagai guru sekolah. Sekolah pertama yang didedahkan kepada seni silat ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Fuad Stephens, Kiulu pada tahun 2005 dan kemudiannya di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tamparuli pada tahun 2006. Justeru, perkembangan silat di daerah Tuaran ini lebih tertumpu kepada peringkat sekolah. Semenjak tahun 2005, Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) daerah Tuaran terus berkembang dari semasa ke semasa. Perkembangan pertubuhan ini dapat dilihat menerusi penglibatan secara langsung dalam pertandingan silat di peringkat negeri dan kebangsaan. Sebagai contoh, penglibatan PSGFM dalam *Sabah International Silat Festival* pada tahun 2023. Pertubuhan telah menghantar 28 ahli silatnya terdiri daripada pelajar SMK Tuan Fuad Stephen, Kiulu untuk membuat persembahan semasa upacara majlis perasmian pembukaan *Sabah International Silat Festival*. Festival ini dianjurkan pada 13-15 Oktober 2023 di Putatan telah menjadi bukti jelas penglibatan PSGFM Tuaran sebagai sebuah persatuan silat yang berpotensi.



**Foto 2: Poster majlis perasmian pembukaan Sabah
international Silat Festival 2023**

Sumber: Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Sabah, 2023.

Di samping itu, PSGFM Tuaran aktif dalam menganjurkan pertandingan dan bengkel berkala yang bersifat tahunan peringkat daerah. Sebagai contoh, Pertandingan Silat Melayu Daerah Tuaran pada tahun 2023 dan Pertandingan 1 Sekolah 1 Silat, Tuaran pada tahun 2022. Pelaksanaan Pertandingan 1 Sekolah 1 Silat ini bertujuan untuk memperkasa dan memperkaya aktiviti silat yang telah sedia ada di sekolah-sekolah. Maka dengan itu, program ini ingin murid-murid terus mengembangkan minat terhadap silat sejak peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat antarabangsa. Program ini juga merupakan inisiatif yang diambil oleh PESAKA Tuaran dan pejabat pentadbiran daerah Tuaran dengan kerjasama dan sokongan penuh daripada PESAKA, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Melalui program ini, diharapkan ia dapat merangsang perkembangan dan pembangunan seni sukan silat di seluruh tanah air. Matlamat utama dalam pertandingan ini adalah untuk menyemai dan mengukuhkan rasa cinta terhadap warisan budaya dan bangsa, seterusnya adalah untuk memupuk generasi muda yang berdikari, bersikap positif, sabar, berani dalam menghadapi cabaran dan mempunyai keyakinan serta jati diri. Akhir sekali ialah, untuk menggalakkan pelaksanaan lebih banyak lagi aktiviti serupa di setiap sekolah tidak kira di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan.



Foto 3: Buku Kejuaraan : Kejuaraan Sirkuit 1 Sekolah 1 Silat Peringkat Tuaran Tahun 2022

Sumber: Koleksi Peribadi En. Ahjman Zanudin

Pada Mei 2024, pertubuhan ini juga telah menganjurkan bengkel silat Melayu Peringkat Negeri. Tujuan bengkel adalah untuk memberi pendedahan asas kepada masyarakat dan penggiat silat bahawa peranan PSGFM Tuaran bukanlah sekadar untuk menjuarai pertandingan silat semata-mata tetapi untuk meluaskan ilmu seni silat di daerah Tuaran khususnya Silat Melayu. Bengkel Silat Melayu Peringkat Negeri yang dianjurkan pada tahun ini diambil sebagai langkah untuk memartabatkan silat di Sabah Khususnya Silat Melayu. Bengkel ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Belia Persekutuan (JBS), Putatan. Tidak dinafikan, Bengkel ini memberi impak positif terhadap masyarakat. Sebagai contoh, ia dapat memantapkan jati diri serta nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Malah, hubungan ahli silat dari persatuan silat lain juga dapat

dikukuhkan melalui pelaksanaan program sebegini. Selain daripada, ia dapat membuka mata masyarakat bahawa Silat mempunyai nilai seni estetika yang perlu dipertahankan.



Foto 4: Kertas Kerja Bengkel Silat Melayu Peringkat Negeri Sabah 2024

Koleksi Peribadi En. Ahjman Zanudin

Selain, PSGFM, peranan Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA²) juga amat menonjol dalam memastikan aktiviti silat di Sabah khususnya daerah Tuaran sentiasa hidup dan dilaksanakan dengan baik. Penglibatan PSGFM, Tuaran dalam PESAKA telah mengukuhkan kedudukan mereka sebagai suatu persatuan yang diiktiraf sehinggakan mereka mampu mengelola lebih banyak lagi program silat. Sokongan dan kerjasama penuh daripada PESAKA telah mendorong PSGFM meluaskan pengaruh dan peranan mereka dalam membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan silat di Tuaran. Keahlian PESAKA yang terdiri daripada orang-orang yang berpengaruh memudahkan mereka untuk mendapat sokongan dan tajaan untuk melaksanakan program mereka. Sebagai contoh, Datuk Wira Megat Zulkarnain bin Omdardin selaku Presiden PESAKA Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Presiden di Persidangan Tahunan Persekutuan Silat

Kebangsaan Malaysia ke-19 pada tahun 2020.³ Sebenarnya, Datuk Wira Megat Zulkarnain bin Omardin adalah sosok penting dalam politik yang pernah menjabat jawatan Tuan Yang-Terutama (TYT) Melaka. Kini, jawatan TYT Melaka disandang oleh TYT Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Dalam masa yang sama, Beliau juga menyandang jawatan sebagai Penasihat Seumur Hidup PESAKA.⁴ PESAKA di peringkat negeri Sabah pula disandang oleh Datuk Haji Iliyas bin Haji Ibrahim. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Polis Negeri Sabah dan juga Datuk Bandar Kota Kinabalu (KK). Dengan demikian, kehadiran sosok berpengaruh dalam organisasi PESAKA memudahkan kelangsungan pertubuhan-pertubuhan silat yang bernaung di bawah PESAKA khususnya PSGFM Tuaran.

Jadual 1 : Senarai Pertubuhan Silat Dalam Negeri Sabah

Bil.	Nama pertubuhan Silat	Bil.	Nama pertubuhan Silat
1.	Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Sabah	27.	Persatuan Seni Silat Gunting Pensiangan
2.	Persatuan Seni Silat Bakat Warisan-Budaya Sabah	28.	Seni Silat Rela Sandakan
3	Pertubuhan Seni Silat Gerak Kilat Kebangsaan, Sabah (PSSGKK)	29.	Persatuan Seni Silat Cekak Sendeng Trusan Sarawak, Seni Silat Depok Betawi Sarawak & Seni Silat Nabati Membakut Sabah
4.	Persatuan Silat Gerak Ilham Libaran	30.	Persatuan Silat Spring Sewarjad Membakut
5.	Perguruan Sendeng Sandakan	31.	Perguruan Silat Kuntau (Beluran)
6.	Perguruan Silat Spring Kairoh	32.	Perguruan Silat Serumpun Asad Tawau
7.	Perguruan Lux Spring Sandakan	33.	Perguruan Silat Belia Bayu Sejati
8.	Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia, Cawangan Negeri Sabah	34.	Persatuan Seni Silat Spring Kejawen Sabah
9.	Persatuan Seni Silat Gayong Maarifat	35.	Persatuan Seni Silat Gelombang 8 Sabah
10.	Persatuan Seni Silat Kadiri Sabah	36.	Persatuan Silat Serumpun Asad Kota Kinabalu
11.	Perguruan Silat Cimandi Cikalong	37.	Kelab Perguruan Silat Seni Lengang Bumi Sabah

*Sejarah Seni Silat dan Pertubuhan Silat Gayung
Fatani Malaysia Di Daerah Tuaran (2005-2024)*

12.	Perguruan Silat Cemandi Damdam Sandakan	38.	Perguruan Seni Silat Cemendi Minangkabau Keningau
13.	Kelab Silat Sandakan (ASAS)	39.	Perguruan Seni Silat Kuntau Kuntagil Keningau
14.	Kelab Silat Olahraga Nabate Membakut	40.	Perguruan Seni Silat Betawi Keningau
15.	Persatuan Silat Sinar Hijau LD(SIJA)	41.	Persatuan Seni Silat Dewa Rimba Membakut
16.	Kelab Sukan Silat Pensio LD	42.	Persatuan Seni Silat Tatana Tambunan
17.	Pertubuhan Persilatan Panca Indra Harimau Campa Tawau, Sabah	43.	Persatuan Seni Silat Spring Betawi
18.	Pertubuhan Seni Gayung Fatani Negeri Sabah	44.	Persatuan Seni Silat Sepanji
19.	Kelab Silat Ak'lam Menumbok Kuala Penyu	45.	Persatuan Seni Silat Putatan
20.	Beladiri Tangan Kosong (Betakos Negeri Sabah)	46.	Persatuan Seni Silat Adunara
21.	Perguruan Satria Rajawali Kuntau Bebas (Tambunan)	47.	Persatuan Seni Silat Gayong Kalimah Sabah
22.	Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (Cawangan Sabah)	48.	Persatuan Seni Silat 3 Kaki
23.	Perguruan Silat Tempur Warisan Pak Salam Nabawan	49.	Persatuan Sendeng Malaysia
24.	Persatuan Seni Silat Gangam Wahyuni Beaufort, Sabah	50.	Persatuan Sendeng Sabah
25.	Kelab Seni Silat Angkasa, Universiti Malaysia Sabah (KKSA, UMS)	51.	Persatuan Pencak Silat Minangkabau Kota Kinabalu
26.	Perguruan Cengkam Harimau Ginggun Gambanau	52.	Persatuan Seni Silat Kejawaan Penampang

Sumber: PSS PESAKA SABAH

Jadual di atas menunjukkan senarai nama pertubuhan silat yang bernaung di bawah PESAKA Negeri Sabah. Sebanyak 52 jenis pertubuhan silat yang terdapat di Sabah. Perkara ini sudah membuktikan bahawa seni persilatan ini berkembang dari semasa ke semasa. PESAKA tidak hanya memainkan peranannya di peringkat pusat malah ia juga melaksanakan tugasnya dalam peringkat Negeri. Hal ini dibuktikan dengan senarai nama pertubuhan silat yang berdaftar di dalam PESAKA Negeri Sabah pada tahun 2018. Penglibatan setiap pertubuhan silat di bawah PESAKA memberi manfaat yang besar. Hal ini demikian kerana, setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh setiap pertubuhan silat akan dijayakan oleh PESAKA. Sebagai contoh, setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan silat seperti bengkel silat ataupun pertandingan akan dibiayai oleh PESAKA. Dapat dikatakan, setiap pertubuhan silat mampu menaikkan nama persatuan masing-masing dengan berdaftar di bawah PESAKA. Sebaliknya, persatuan silat yang tidak bernaung dibawah PESAKA akan menghadapi kesukaran untuk membangunkan persatuan silatnya. Maka dengan itu, peranan PESAKA sememangnya mempengaruhi perkembangan pertubuhan silat khususnya di Sabah.



Foto 5: Barisan Ahli PESAKA daerah Tuaran

Sumber: Koleksi Peribadi En. Ahjman Zanudin

Foto 5 di atas menunjukkan barisan ahli PESAKA di daerah Tuaran. Sekiranya, PESAKA Malaysia dibentuk oleh Silat Gayung Fatani, Silat Cekak, Gayung Malaysia dan juga Silat Lincak, PESAKA Tuaran pula dibentuk dari silat-silat yang ada di daerah Tuaran. Seni Gayung Fatani, Persima Tuaran, Satria Rajawali, Genggam Wahyuni dan silat Cekak

Pusaka Ustaz Hanafi adalah badan pendiri PESAKA Tuaran. Tugas PESAKA tuaran adalah untuk mencari dan mendaftarkan pertubuhan-pertubuhan silat di bawah PESAKA. Namun, tidak semua persatuan silat akan didaftarkan secara langsung di bawah PESAKA. Hal ini demikian kerana, ahli PESAKA perlu meneliti persatuan silat yang ingin berdaftar sama ada silat yang digunakan itu baik ataupun tidak. Kemudian, PESAKA daerah perlu meminta pengesahan daripada PESAKA peringkat Negeri sebelum dimasukkan ke dalam PESAKA daerah.

Walaupun, aktiviti PSGFM di daerah Tuaran terhenti ketika wabak covid-19 melanda, namun pertubuhan ini masih kekal aktif untuk memartabatkan seni silat ini. Menurut temu bual bersama En. Ahjman Zanudin, sebuah studio bagi pertubuhan Seni Gayung Fatani di daerah Tuaran kini dibuka untuk menyediakan tempat latihan bagi para ahli silat PSGFM. Sebelumnya, pusat latihan bagi PSGFM ini adalah di Kompleks Sukan Likas. Namun, konflik dalaman yang berlaku telah menyebabkan PSGFM harus mencari jalan lain untuk menubuhkan pusat latihan mereka sendiri. Studio yang dibuka di Tuaran adalah inisiatif yang diambil oleh PSGFM untuk memastikan PSGFM sentiasa aktif. Selain daripada dijadikan tempat latihan, studio ini juga dijadikan sebagai tempat melakukan mesyuarat bersama jurulatih-jurulatih silat yang lain.



Foto 6 : Studio Latihan PSGFM Tuaran

Sumber: Koleksi Penyelidik



Foto 7: Studio Latihan PSGFM Tuaran 2

Sumber: Koleksi Penyelidik

Pengurusan Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSFGM) di Daerah Tuaran

Aspek pengurusan yang cekap dan berkesan khususnya daripada aspek komunikasi berkesan merupakan elemen penting yang menjadi tunjung kepada kejayaan sesebuah organisasi. Hal ini selaras dengan pandangan Maizatul Haizan Mahbob, Nik Anis Syakira Megat Ali, Wan Idros Wan Sulaiman dan Wan Amizah Wan Mahmud (2019) iaitu komunikasi adalah teras dalam segala aktiviti organisasi tidak kira dalam konteks luaran dan dalaman. Komunikasi yang baik sesama ahli dalam organisasi akan merangsang hubungan baik dalam organisasi. Maka dengan itu, kerja-kerja pengurusan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan mampan. Dalam konteks pengurusan PSGFM Tuaran, ahli jawatankuasa Tuaran, dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah merupakan tonggak utama yang menyelia PSGFM Tuaran. Selain daripada itu, sesi pembelajaran yang dilaksanakan di peringkat sekolah mahupun di pusat latihan Tuaran adalah dengan berpandukan silibus pembelajaran PSGFM sendiri.

Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (JKKN) merupakan agensi yang banyak memainkan peranan penting dalam memelihara dan mengembangkan seni dan budaya masyarakat di Malaysia dan juga di Sabah. JKKN secara rasminya telah ditubuhkan pada 15 Mac 2005. JKKN melaksanakan tanggung jawabnya dengan menyediakan

kemudahan prasarana, khidmat nasihat dan mengawal selia program yang dijalankan dan akhir sekali memberikan bantuan kewangan. Lebih daripada itu, JKKN telah menggalakkan pembangunan produk-produk seni dan budaya mengikut budaya negeri tersebut. Misalnya di Sabah, antara produk seni yang dikembangkan melalui JKKN ialah tarian, teater, muzik, pengurusan pentas, permainan tradisional, seni pertahanan diri, kesusasteraan, busana tradisional atau kostum persembahan, Persatuan Seni Budaya (umum) dan Prasarana Seni Persembahan serta Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN). PSGFM Tuaran adalah salah satu produk seni yang dikomersialkan untuk memartabatkan seni warisan tersebut. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) negeri Sabah bergerak seiring dengan PSGFM Tuaran menerusi pelaksanaan program yang dianjurkan oleh PSGFM Tuaran. JKKN telah memperuntukkan dana bagi program-program yang berkaitan dengan kebudayaan. Biasanya, dana yang diberikan adalah berdasarkan peringkat program. Sebagai contoh, program yang dilakukan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan menerima dana sebanyak tiga ratus ribu ringgit (RM300000). Maka dengan itu, banyak program yang dianjurkan oleh PSGFM Tuaran telah berjaya dihidupkan dengan kerjasama dan sokongan penuh daripada JKKN.

Jawatankuasa di PSGFM, Tuaran juga memainkan peranan yang aktif untuk memastikan pergerakan PSGFM di daerah Tuaran sentiasa hidup. Semua ahli jawatankuasa akan berkumpul bagi membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan silabus silat, pelaksanaannya dan hal-hal lain. Senarai ahli jawatankuasa PSGFM Tuaran dapat dilihat seperti (Jadual 3). Semua ahli jawatankuasa ini juga merupakan pelatih dalam PSGFM Tuaran. Mereka adalah tonggak utama yang memastikan setiap ahli pertubuhan mendapat latihan yang secukupnya. Selain daripada itu, mereka juga berperanan dalam mempersiapkan atlet untuk menyertai pertandingan-pertandingan silat di peringkat negeri ataupun peringkat kebangsaan. Sehubungan dengan itu, PSGFM Tuaran juga akan memanggil jurulatih-jurulatih lain untuk bersama-sama melatih pesilat di Tuaran. Kini, jumlah keahlian PSGFM tuaran adalah sebanyak 92 orang: Lelaki beragama Islam (30), Lelaki bukan beragama Islam (10), Perempuan beragama Islam (25), dan Perempuan yang bukan beragama Islam (27).

Jadual 2 : Senarai nama Ahli Jawatankuasa PSGFM, Tuaran 2024

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Ahjman Bin Zanudin	Pengerusi
2.	A.M Zaini A.M Nordin	Timbalan Pengerusi
3.	Mohd Hafizul Rahman	Setiausaha
4.	Awang Julkhairi Awang Ramli	Bendahari
5.	Mohd Afif Affendy	Ahli Jawatankuasa
6.	Abd Malik Bin Zain	Ahli Jawatankuasa
7.	Nuraidah Mustapah	Ahli Jawatankuasa

Sumber: Koleksi Peribadi En. Ahjman Zanudin

Selain itu, aspek penting yang menjadi fokus pengurusan PSGFM Tuaran adalah melalui silibus pelajaran silat. Hal ini dapat dilihat menerusi penglibatan murid di sekolah-sekolah. PSGFM Tuaran menjadi pelopor kepada kelab silat yang ada di Sekolah Menengah Tun Fuad Stephens, Kiulu dan juga di Sekolah Menengah Kebangsaan Tamparuli. Perkembangan melalui sekolah-sekolah dijalankan untuk memartabatkan seni warisan silat kepada golongan muda. Maka dengan itu, PSGFM berhasrat untuk membuka satu lagi kelab silat PSGFM di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Ria. Bagi mewujudkan perkara ini, PSGFM memerlukan guru penasihat yang akan memantau kegiatan kelab silat di peringkat sekolah.

Setiap sekolah akan mempunyai jurulatih yang akan melatih pelajar-pelajar sekolah untuk bersilat. Latihan tidak hanya dijalankan di sekolah malah mereka akan berlatih bersama dengan pelajar dari sekolah lain di Dewan terbuka. Dianggarkan sebanyak 70 orang pelajar dari SMK Tun Fuad Stephens, Kiulu yang terlibat dalam latihan silat ini. Latihan silat akan dilaksanakan setiap hari minggu pada 2 hingga 5 petang. Dalam silibus silat, terdapat peringkat yang telah ditetapkan untuk sukatan pelajaran silat. Setiap peringkat adalah bertujuan untuk memberikan pelajaran yang lebih berkesan kepada pelajar-pelajar sekolah. Peringkat tersebut dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 3 : Tahap dan Peringkat Sukatan Pelajaran Silat

Tahap	Peringkat	Bengkung	Gelaran Tamat
Dasar	Satu	Putih	Anak Gelanggang
	Dua	Biru	Pesilat Remaja
Menengah	Tiga	Perang	Pesilat Perkasa
	Empat	Kuning	Pesilat Muda
	Lima	Hijau	Pesilat
Tinggi	Enam	Merah	Pendekar Muda
	Tujuh	Hitam	Pendekar

Sumber: Anuar Abd Wahab, 2008

Jadual 3 di atas menunjukkan tahap dan peringkat sukatan pelajaran silat. Sekatan tersebut telah dibahagikan kepada tujuh peringkat. Tahap dasar biasanya adalah untuk pelajar Sekolah Rendah. Sukatan pelajaran silat bagi pelajar Sekolah Rendah terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat satu dan dua. Pada tahap ini mereka akan memakai bengkung berwarna putih dan biru serta digelar sebagai anak gelanggang dan pesilat remaja. Biasanya gelaran ini diberikan kepada pelajar yang baru menyertai silat. Seterusnya, Tahap menengah pula adalah untuk pelajar Sekolah Menengah. Dalam tahap ini mereka akan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat tiga, empat dan lima. Setiap peringkat ini akan memakai bengkung yang berwarna perang, kuning dan hijau. Pesilat di tahap menengah akan digelar sebagai pesilat perkasa, pesilat muda dan juga pesilat. Akhir sekali ialah tahap tinggi. Sukatan pelajaran silat pada tahap tinggi dikhaskan kepada pelajar Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi. Tahap menengah terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat enam dan peringkat tujuh. Pada tahap ini, mereka akan memakai bengkung merah dan hitam serta diberi gelaran pendekar muda dan juga pendekar.

Secara keseluruhannya, aspek pengurusan PSGFM Tuaran boleh dilihat dari peranan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) negeri Sabah, Ahli Jawatankuasa PSGFM Tuaran dan akhir sekali pengurusan di peringkat sekolah yang berdasarkan silibus pelajaran silat. Dari segi pengurusan, kita dapat melihat bagaimana ahli-ahli silat ini diuruskan. Lebih daripada itu, penglibatan aktif PSGFM menerusi sekolah-sekolah di Tuaran merupakan langkah terbaik yang diambil untuk mendedahkan seni budaya ini kepada generasi muda.

Nur Fatimah Az Zahra Tonnywan

Keberkesanan langkah ini dapat dilihat apabila pelajar sekolah mula mewakili sekolah dalam pertandingan silat.

Kesimpulan

Tuntasnya, PSGFM di daerah Tuaran telah mengalami perkembangannya dari semasa ke semasa. Perkara ini dibuktikan dengan penglibatan aktif PSGFM Tuaran dalam pertandingan-pertandingan silat yang dianjurkan oleh PSGFM Tuaran sendiri ataupun dari pihak lain. Antaranya ialah Pertandingan Silat Melayu Daerah Tuaran pada tahun 2023 dan Pertandingan 1 Sekolah 1 Silat, Tuaran. Lebih daripada itu, mereka juga telah mengadakan Bengkel Silat Melayu sebagai salah satu inisiatif untuk membangunkan seni Silat Melayu. Perkembangan PSGFM juga dapat dilihat apabila mereka mula menubuhkan satu studio untuk menarik lebih ramai orang luar menyertai PSGFM di Tuaran di samping dijadikan sebagai tempat latihan bagi anak-anak muridnya.

Dari aspek pengurusan pula, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) negeri Sabah, Ahli Jawatankuasa PSGFM Tuaran adalah aktor utama yang memastikan PSGFM berada di landasan yang betul dalam usaha untuk memartabatkan seni warisan dan budaya silat. JKKN sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama penuh kepada PSGFM Tuaran dengan menyalurkan bantuan kewangan. Bantuan kewangan yang diberikan oleh JKKN ini digunakan oleh PSGFM untuk mengelola lebih banyak program yang mampu menaikkan nama PSGFM di peringkat daerah mahupun di peringkat kebangsaan. Peranan Ahli Jawatankuasa PSGFM Tuaran juga mempengaruhi pencapaian dan perkembangan PSGFM di peringkat daerah. Peranan PSGFM dalam pengurusan di peringkat sekolah turut terserlah apabila mereka telah mengembangkan PSGFM melalui sekolah-sekolah yang ada di Tuaran seperti SMK Tun Fuad Stephens Kiulu dan juga SMK Tamparuli.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Abd. Rahman Ismail. (2008). *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuar Abd Wahab. (1996). *Silat Olahraga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Anuar Abd. Wahab. (2008). *Silat Seni Gayung Fatani: Sejarah Perkembangan Kurikulum Silat Melayu Tradisi dan Pembentukan Kurikulum Silat Malaysia Moden*. Selangor: Hizi Print Sdn. Bhd.
- Draeger, D.F. (1972). *Weapons and Fighting Arts of Indonesian Archipelago*. Tokyo: Charles E. Tuttle Company Incorporation
- Ibrahim Syukri. (2005). *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Koleksi Peribadi Ahjman Zanudin. (2024). Buku Kejuaraan: Kejuaraan Sirkuit 1 Sekolah 1 Silat Peringkat Tuaran Tahun 2022.
- Koleksi Peribadi Ahjman Zanudin. (2024). Buku Panduan Kejuaraan 1 Sekolah 1 Silat.
- Koleksi Peribadi Ahjman Zanudin. (2024). Kertas Kerja Bengkel Silat Melayu Peringkat Negeri Sabah 2024.
- Koleksi Peribadi Ahjman Zanudin. (2024). Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia. 2018. Kertas Dasar Pewartaan Silat Sebagai Warisan Dunia, UNESCO.
- Ku Ahmad Ku Mustaffa & Kiew Kit Wong. (1978). *Silat Melayu: The Malay Art of Attack and Defense*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Moh. Nur Khalis. (2016). Aplikasi Nilai- Nilai Luhur Pencak Silat Sarana Membentuk Moralitas Bangsa. *Jurnal Sportif*. 2(2): 76-84.
- Muhammad Hasnimizan Ishak dan Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2019). Seni Bela Diri Melayu dalam Silat Cekak Pusaka Hanafi. *Journal Akademika*. 89: 69-79
- Norazila Muhammad@ Mat Ghani. (2021). Prinsip Pergerakan Dalam Seni Silat Melayu Melalui Media Campuran Bagi Penghasilan Karya Seni. *Tesis Ijazah Sarjana Muda*. Universiti Kebangsaan Kelantan.
- Satoru Tsunashima. (2004). Perubahan Peranan dan Fungsi Institusi Persilatan Melayu di Semenanjung Malaysia. *Tesis Sarjana*. Universiti Sains Malaysia
- Suryo Ediyono dan Sahid Teguh Widodo. (2019). Memahami Makna Seni dalam Pencak Silat. *Panggung*. 29(3):300-312
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. (2018). Meor Abdul Rahman: Konsep Tempur Seni Gayong dan Inovasi Silat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. 29: 262-285.
- Zainal Abidin Sheikh Awab dan Nigel Sutton. (2007). *Silat Tua: The Malay Dance of Life*. Selangor: Living Tradition Sdn. Bhd.

Sumber Laman Sesawang

- Jabatan Warisan Negara. (2019). *Silat*. Dalam, <https://www.heritage.gov.my/en/silat.html>. Diakses pada 1 Julai 2024.
- Arif Zahari. (2023). *Asal Usul Pencak Silat*. Dalam, <https://persisi.org/uploads/events/62/attachments/21%2003%202003%20Asal%20usul%20pencak%20silat.pdf>. Diakses pada 30 Jun 2024
- Laman Web Rasmi Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka. (2023). *Majlis Jamuan Makan Malam Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) Malaysia*. Dalam, <https://www.tytmelaka.gov.my/index.php/2023/08/21/majlis-jamuan-makan-malam-persekutuan-silat-kebangsaan-malaysia-pesaka-malaysia>. Diakses pada 1 Julai 2024.
- Nurliza Binti Abdul Khalid. (2019). *Exploring the Efficacy of Malay Silat as Vehicle of Positive Youth Development in Malaysia*. Dalam, https://ipsas.upm.edu.my/dokumen/IISS_009_siti.pdf. Diakses pada 25 Jun 2024.
- Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Sabah. (2023). Perasmian Sabah International Silat Festival 2023. Dalam, <https://www.facebook.com/photo/?fbid=699822952176169&set=now-sabah-international-silat-festival-2023sisf2023>. Diakses pada 18 Julai 2024.
- Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia. (2011). Allahyarham Anuar Abdul Wahab (1945-2009). Dalam, <https://www.senigayungfatani.com/perguruan/amanat/allahyarham-anuar-abdul-wahab-1945-2007/>. Diakses pada 29 Jun 2024

Temu Bual

- Ahjman Zanudin. 48 Tahun. Pengerusi Pertubuhan Seni Silat Gayung Fatani Cawangan Tuaran. 21 Jun 2024.

Nota

- ¹ Allahyarham Tn.Hj. Anuar. Abd. Wahab AMN merupakan Guru Utama bagi Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia. Pada tahun 1976 beliau diangkat secara rasmi sebagai Guru Utama PSGFM dengan persetujuan para Guru Tua yang mewakili kumpulan peringkat negeri, mereka ialah En.Embung Abdullah (Selangor), Tn.Hj.Imam Mansor Ismail (Perak), Tn,Hj,Mohamad Ali (Kedah) dan Tn.Hj.Ramli Syeikh Abd.Rahman (anak pengasas perguruan). Juga lihat Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia, Allahyarham Anuar Abdul Wahab (1945-2009), 2011, Dipetik daripada <https://www.senigayungfatani.com/perguruan/amanat/allahyarham-anuar-abdul-wahab-1945-2007/>, diakses pada 29 Jun 2024.

*Sejarah Seni Silat dan Pertubuhan Silat Gayung
Fatani Malaysia Di Daerah Tuaran (2005-2024)*

- ² Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) adalah satu badan yang bertanggungjawab untuk menguruskan perguruan dan persatuan silat yang ada di Malaysia. PESAKA telah ditubuhkan pada 24 September 1983. Seni Gayung Malaysia (PSFGM), Seni Cekak Malaysia, Seni Gayong Malaysia dan juga Silat Lincah Malaysia merupakan badan pendiri yang utama dalam PESAKA. Sejak dari awal penubuhannya sehingga kini, terdapat banyak jenis perguruan dan persatuan yang berdaftar di bawah PESAKA. Sehingga tahun 2024, sebanyak 612 jenis perguruan dan persatuan yang berdaftar di PUSAKA.
- ³ Zulfaizan Mansor, Megat Zulkarnain Terajui PESAKA, Berita Harian, 2021, Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my> Pada 15 Julai 2024.
- ⁴ Laman Web Rasmi Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Jamuan Makan Malam Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) Malaysia, 2023, Dipetik daripada <https://www.tytmelaka.gov.my/index.php/2023/08/21/majlis-jamuan-makan-malam-persekutuan-silat-kebangsaan-malaysia-pesaka-malaysia>. Diakses pada 1 Julai 2024